

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HGM 233 - Geografi Bandar dan Metropolitan

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja, **DUA** [2] soalan dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A:

1. Harga dan ketersediaan tanah untuk tujuan perumahan merupakan pengaruh penting harga rumah di bandar. Huraikan bagaimana harga tanah yang tinggi dan kekurangan tanah di bandar boleh mempengaruhi pembekalan perumahan kos rendah.

[25 markah]

SAMA ADA

2. [a] Transformasi dalam komposisi ekonomi dunia dua dekad kebelakangan ini telah menjadikan bandaraya utama sekali lagi penting sebagai tapak aktiviti dan fungsi tertentu. Bincangkan transformasi yang dimaksudkan dan impaknya ke atas bandaraya di negara membangun.

[25 markah]

ATAU

- [b] Huraikan maksud globalisasi ekonomi dan bincangkan sejauhmana Kuala Lumpur telah memanfaatkan proses ini dalam strategi pembangunannya.

[25 markah]

3. Pembentukan alam bina adalah hasil tindakan pelbagai agen yang masing-masingnya mempunyai objektif, motivasi, sumber dan hadangan. Huraikan peranan spekulator dan pemaju dalam mempengaruhi proses pembangunan bandar.

[25 markah]

4. Kawasan tepu bina dan pasaran buruh bandaraya seperti Jakarta, Tokyo dan Bangkok telah meluas jauh daripada pusat bandaraya. Huraikan konsep yang telah diperkenalkan oleh ahli geografi untuk menjelaskan fenomena baru ini dalam konteks negara-negara di Asia.

[25 markah]

BAHAGIAN B:

5. Jelaskan falsafah di sebalik konsep pembangunan bandar lestari dan bincangkan bagaimana konsep tersebut dapat diterapkan ke dalam sektor perumahan atau pengangkutan.

(25 markah)

6. Sumber kewangan adalah merupakan masalah utama di dalam pengurusan pembangunan bandar. Merujuk kepada mana-mana bandaraya di rantau Asia-Pasifik, bincangkan bagaimana bandar tersebut menjana sumber kewangannya dan cadangkan langkah-langkah ke arah meningkatkan sumber tersebut.

[25 markah]

7. Kemiskinan bandar adalah masalah di kebanyakan bandaraya mega. Bincangkan bagaimana masalah tersebut menjadi punca kepada kemunculan masalah-masalah bandar yang lain.

[25 markah]

8. Merujuk kepada pembangunan pesat di Wilayah Lembah Klang, bincangkan pertumbuhan Bandaraya Kuala Lumpur dalam konteks masa depan.

[25 markah]

--oo000oo--